

KEJOHANAN AKUATIK DUNIA FINA

# Pandelela-Jun Hoong gegar Budapest

➔ Pingat gangsa bukti masih berbisa selepas pulih cedera

Oleh Jumiati Rosly  
jumiati@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Gandingan penerjun negara, Pandelela Rinong dan Cheong Jun Hoong menghadihkan pingat gangsa buat negara di Kejohanan Akuatik Dunia FINA 2017 di Budapest, Hungary, awal pagi

semalam.

Kemenangan itu membuktikan Pandelela dan Jun Hoong kini sudah pulih sepenuhnya daripada kecederaan bahu serta belakang sekali gus memberi nafas lega buat kem negara menjelang Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Gandingan pemenang pingat perak Sukan Olimpik 2016 di Rio itu mengumpul 328.70 mata bagi menempatkan diri di tempat ketiga acara 10 meter platform seirama wanita di belakang penerjun China dan Korea Utara.

### Cabaran sukar

Biarpun pentas Sukan SEA bukanlah cabaran sukar buat kedua-dua penerjun itu, tetapi kecederaan yang dialami kedua-dua penerjun

itu membimbangkan kem negara yang diletakkan sasaran untuk menyapu bersih 13 pingat terjun yang ditawarkan.

### Bertarung bersama

“Kami bertarung bersama sehingga ke akhirnya,” kata Jun Hoong dalam laman Instagram.

Kejayaan gangsa ini adalah juga gangsa keempat buat negara di Kejohanan Dunia sejak edisi 2009 di Rome dan juga keempat buat Pandelela.

Gandingan China, Ren Qian dan Si Yajie memenangi pingat emas dengan mengumpul 352.56 mata, manakala penerjun Korea Utara, Kim Mi-Rae dan Kim Kuk-Hyang memperoleh 336.48 mata.



Pandelela (kiri) dan Jun Hoong meraikan kejayaan meraih gangsa di Budapest, Hungary, awal pagi semalam.